



TEKS UCAPAN

MENTERI KERJA RAYA

YB TUAN BARU BIAN

SEMPENA

Sesi LibatUrus YB Menteri Kerja Raya Bersama Pegawai /

Kakitangan Persekutuan Limbang

Sarawak

1 MAC 2019

YANG DIHORMATI Pengerusi Majlis

(SALUTATIONS)

Salam Sejahtera dan Salam Malaysiaku.

KATA ALUAN

1. Segala puji bagi Tuhan, kerana diberi kesempatan untuk kita bertemu pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian yang berbahagia Dato'-Dato' dan para hadirin

sekalian untuk turut serta dengan sesi libaturus yang dianjurkan pada hari ini.

2. Ini sebenarnya bukanlah kali pertama saya menjejakkan kaki di RTM Limbang ini. Namun, kehadiran saya di sini satu ketika dahulu, sekitar tahun 1979 hingga 1981, bukanlah sebagai seorang Menteri dari kerajaan Persekutuan, tetapi sebagai seorang anak seni, bersama kumpulan kugiran tempatan di seksyen RTM Lun Bawang. Jika dahulu saya datang untuk membuat rakaman lagu, hari ini saya hadir sebagai satu – satunya menteri penuh Kerajaan Persekutuan yang merupakan anak jati Sarawak.
3. Sesi libaturus yang diadakan pada hari ini adalah satu pendekatan proaktif Kerajaan baru dalam memahami dan mendalami masalah rakyat dengan lebih dekat lagi, yang kemudian dapat membantu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Pada hari ini, tuan – tuan dan puan – puan, warga Persekutuan di Limbang diberi peluang untuk menyampaikan apa jua isu dan masalah yang dihadapi secara terus kepada saya.
4. Turut serta bersama saya pada hari ini juga adalah beberapa pegawai dari Kementerian Kerja Raya, akan mengambil maklum semua isu yang diutarakan hadirin pada hari ini. Isu yang dibangkitkan pada hari ini akan diambil peduli dan disalurkan

kepada pihak – pihak yang terbabit atau kementerian yang berkaitan.

INTEGRITI PENJAWAT AWAM

Dato'–Dato' dan para hadirin sekalian

5. Mutakhir ini, isu rasuah telah menggugat kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti perkhidmatan awam yang sudah tentu menjejaskan imej kerajaan Pakatan Harapan yang amat menitikberatkan integriti, ketelusan dan keterbukaan dalam semua aspek kerajaan.
6. Kajian oleh Global Corruption Barometer 2017, merekodkan lebih 57% responden di Malaysia berpendapat bahawa pegawai polis terlibat dalam rasuah dan 45% melibatkan penjawat awam. Tambahan lagi, berdasarkan Laporan Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index) yang dikeluarkan oleh Transparency International, Malaysia mencatatkan purata skor kadar skor 49.6, dan skor tersebut jatuh kepada skor 47 pada tahun 2017.
7. Kerajaan amat komited dalam meningkatkan integriti dan akauntabiliti serta memerangi rasuah dan membasmi salah guna kuasa. Sebagai bukti komitmen kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara bebas rasuah, Pelan Anti-rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan pada tahun lalu

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad. Pelan lima tahun yang menggariskan enam (6) fokus bidang keutamaan ini dijangka dapat memulihkan tadbir urus dan meningkatkan kecekapan dan ketelusan perkhidmatan awam. Ia adalah ketegasan kerajaan dalam menolak amalan rasuah yang telah lama bersarang di dalam masyarakat.

TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN

Dato'–Dato' dan para hadirin sekalian

8. Terdapat banyak salah faham mengenai peranan Kementerian Kerja Raya Malaysia. Saya juga dahulu beranggapan bahawa kesemua jalan raya adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya Malaysia. Tetapi itu ternyata adalah persepsi yang salah. Di kesempatan ini, izinkan saya memberikan sedikit penjelasan.
9. Untuk makluman hadirin sekalian, salah satu daripada tanggungjawab utama Kementerian Kerja Raya Malaysia melibatkan Jalan Persekutuan, iaitu
 - i. Jalan Persekutuan Utama; termasuk jalan – jalan protocol, jalan ke lapangan terbang, dan jalan ke pelabuhan utama
 - ii. Jalan Persekutuan Felda;
 - iii. Jalan Persekutuan ke Institusi; dan

- iv. Jalan Persekutuan ke kawasan Industri.
10. Secara keseluruhannya, panjang jalan Persekutuan di negeri Sarawak adalah hanya 1,424 km daripada jumlah keseluruhan 31,000 km jalan di Sarawak, iaitu kurang daripada 5% jumlah panjang jalan raya di Sarawak.
 11. Selain daripada jalan – jalan yang telah saya nyatakan tadi, penyenggaraan jalan tersebut disenggara oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 12. Selain daripada jalan persekutuan, kementerian saya bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan bangunan persekutuan. Ini termasuklah penyenggaraan (bukan naiktaraf atau pembaikan) 20 Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan di negeri Sarawak, yang dimiliki oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN

Para hadirin sekalian,

13. Bidang kuasa Kementerian Kerja Raya adalah termasuk penyenggaraan jalan Persekutuan di daerah Limbang dengan panjang jalan 57.8 km. Walaupun di daerah ini tidak terlibat

dengan Projek Pan Borneo yang sedang dilaksanakan buat masa ini, jalan Persekutuan yang sedia ada tetap diberi perhatian.

14. Selain daripada penyenggaraan rutin seperti skop penampalan lubang jalan, menyenggara bahu jalan dan pemotongan rumput di jalan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya turut memberi perhatian terhadap aspek penyenggaraan berkala iaitu kerja pembaikan jalan yang perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan.
15. Sehubungan itu, sukacita saya ingin umumkan sempena kehadiran saya di daerah Limbang ini, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan kerja pembaikan culvert (pembetong) yang bernilai RM 1.25 juta bagi menyelesaikan isu banjir kilat di laluan jalan Persekutuan yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Kerja Raya di dua laluan utama jalan Persekutuan daerah Limbang ini.
16. Walaupun dengan kekangan peruntukan yang dihadapi Kerajaan, aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan persekutuan dari Tedungan hingga Temburong sepanjang 57.8 km ini tidak diabaikan oleh Kementerian Kerja Raya. Ini sebagai bukti Kerajaan sentiasa prihatin akan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan persekutuan yang tentunya turut digunakan oleh para hadirin yang berada dalam majlis kita pada hari ini.

PEMBANGUNAN DI SARAWAK

Hadirin Sekalian,

17. Kerajaan dibawah pimpinan Pakatan Harapan mengimpikan pembangunan seimbang di seluruh negara. Tiada negeri yang terkecuali daripada arus perancangan pembangunan negara. Kerajaan akan meneruskan momentum pembangunan Negeri Sarawak menerusi pelaksanaan projek-projek infrastruktur awam berimpak tinggi. Menurut perancangan Belanjawan 2019, sebanyak RM4.3 billion telah diperuntukkan bagi pembangunan di Sarawak yang merangkumi pembinaan dan penaiktarafan infrastuktur asas, kemudahan kesihatan dan pendidikan.
18. Untuk tahun 2019, terdapat 32 buah sekolah daif di Sarawak akan dinaiktaraf daripada jumlah 43 buah sekolah di seluruh Malaysia. Tiga (3) buah projek hospital di Sarawak, Hospital Lawas, Hospital Miri dan Hospital Petra Jaya sedang dalam proses perolehan.
 - i. **Hospital Lawas**
 - a) Tarikh tutup tender: 3 Jun 2019
 - b) Jangka SST: 17 Disember 2019
 - ii. **Hospital Petra Jaya**
 - a) Tarikh tutup tender: 25 Mac 2019
 - b) Jangka SST: 20 September 2019

iii. **Hospital Miri**

a) Masih dalam proses pre-Q dan pelawaan tender pada 5 April 2019

19. Pembangunan yang seimbang hanya dapat dicapai melalui kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pada kesempatan ini, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia untuk berkerjasama bersama kerajaan Negeri Sarawak dalam membawa pembangunan kepada rakyat Sarawak sentiasa terjamin. Saya menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan persekutuan yang hadir untuk saling bekerjasama dan berganding bahu dalam memberikan khidmat perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat

LEBUHRAYA PAN BORNEO

20. Seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan belanjawan 2019 yang lalu, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan-Borneo akan diteruskan tertakuk kepada kajian rasionalisasi kos. Lebuhraya ini memberikan perhubungan jalan yang efisien, menghubungkan kawasan-kawasan di Sarawak terutamanya kawasan pedalaman dan diharap mampu memberi impak positif kepada sosioekonomi di negeri Sarawak ini.

21. Januari lalu kita telah menyaksikan detik bersejarah pembukaan Jajaran Telok Melano - Sematan, jajaran pertama Lebuhraya Pan Borneo, yang menghubungkan perkampungan sekitar Telok Melano yang dahulunya hanya boleh diakses melalui jalan air dari bandar Semantan.
22. Kita di Sarawak ini sudah lama menunggu pembangunan sama seperti rakan di Semenanjung. Pembukaan pakej pertama ini membuktikan komitmen pihak kerajaan dalam memastikan pembangunan seimbang di Malaysia. Projek Lebuhraya PanBorneo akan menyediakan jaringan lebuhraya yang efisien yang boleh merancakkan perekonomian negeri Sarawak.

LINK SARAWAK - SABAH

23. Selain daripada Projek Lebuhraya PanBorneo Sarawak fasa pertama yang dijangka siap sepenuhnya dalam beberapa tahun akan datang, fasa kedua yang akan kita namakan sebagai Sarawak-Sabah Link tidak melalui negara Brunei Darussalam dan dibina melalui Miri - Marudi - Long Lang - Long Seridan - Long Lopeng - Lawas dengan jarak keseluruhan sepanjang 316km.
24. Proses awalan pembinaan Sarawak - Sabah Link dijangkakan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini atau awal tahun depan. Laluan baru ini sudah pasti akan menjadi pemangkin kepada

pembangunan ekonomi di kawasan sepanjang jajaran ini yang sebelum ini agak terpinggir daripada arus pembangunan.

25. Jajaran Sarawak - Sabah Link ini akan tidak melalui bandar Limbang, namun begitu "*spur road*" melalui Medamit ke Limbang akan dibina bagi memastikan bandar Limbang tidak akan tersisih. Saya percaya ini adalah satu kelebihan buat bandar Limbang kerana dengan adanya "*spur road*" ini, Limbang mempunyai dua pilihan;
- i. Jajaran sedia ada yang melalui negara Brunei Darussalam; dan
 - ii. Lencongan melalui "*spur road*" untuk ke Lawas atau Miri

PENUTUP

26. Akhir kata, saya berharap agar kita semua dapat bersama-sama berganding bahu dalam memastikan kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di Limbang khususnya dan Sarawak umumnya. Semoga kerjasama yang erat antara kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri ini dapat diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih. God Bless us All